

Headline	Syor tubuh RCI TH dibawa ke Kabinet		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Aug 2020	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	14	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	78 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,320
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,960



Syor tubuh RCI TH dibawa ke Kabinet

Kuala Lumpur: Perbincangan lanjut mengenai cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi isu Tabung Haji (TH) akan dibawa ke mesyuarat Kabinet minggu ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, bagaimanapun berkata, ia bergantung sama ada isu itu dibangkitkan nanti dalam mesyuarat Kabinet.

“Insya-Allah, dalam mesyuarat Kabinet, mungkin kalau diangkat, kita akan bincangkanlah,” katanya selepas Majlis Penyerahan Wafiah pelantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), di sini, semalam.

Zulkifli berkata, pada masa sama, perbincangan lanjut juga akan diteruskan dengan laporan yang akan dikemukakan oleh Menteri Kewangan.

“Insya-Allah minggu ini juga akan dibincangkan (susulan perbincangan dengan Perdana Menteri) kalau tidak ada aral berkeñaan dengan isu-isu terkait dengan TH,” katanya.